



**NOTIS PELAWAAN SEBUTHARGA
JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang beralamat di Pahang dan berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di bawah kod bidang **210102 : Hardware (high end technology) - all types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance** dibenarkan menyertai pelawaan Sebutharga Jabatan Agama Islam Pahang bagi kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	NO. SEBUTHARGA	PERKHIDMATAN	TARIKH IKLAN SEBUTHARGA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT JUALAN BORANG SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1	JAIP/SH/BKP/IT/01/2026	Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang dan Menguji Pelayan (Server) untuk Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Agama Islam Negeri Pahang Tahun 2026	30 April 2026 (Khamis)	Tarikh: 4 Mei 2026 - 8 Mei 2026 (Isnin - Jumaat) Masa: 9.30 pagi – 4.00 petang Tempat : Aras 1, Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Perolehan), Jabatan Agama Islam Pahang	11 Mei 2026 (Isnin)

2. Borang sebutharga boleh diperolehi dengan harga **RM10.00** setiap naskah pada tarikh dan tempat yang dinyatakan di atas. Selepas tarikh tersebut, borang-borang sebutharga tidak akan dikeluarkan.
3. Kontraktor yang berminat dikehendaki membawa **SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (ASAL DAN SALINAN) yang masih belum tamat tempoh semasa membeli borang sebutharga**. Sila bawa bersama cop syarikat yang dilengkapi dengan alamat dan nombor telefon untuk tujuan rekod.
4. Borang sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dilabelkan No. Sebutharga di Bahagian Kiri atas pada sampul surat tersebut. Peti Sebutharga di sediakan di **LOBI BANGUNAN BARU, JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG, PEKAN** tidak lewat daripada **JAM 12.00 TENGAHARI** pada tarikh tutup yang dinyatakan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

(NAZARUDDIN BIN MAT ALI @ IBRAHIM)

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p. Pengarah
Jabatan Agama Islam Pahang

Tarikh : **30 April 2026**